

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU
[40 markah]

TEMA : SUKAN DAN REKREASI

SOALAN 1

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

HOBİ



Hobi bermaksud kegemaran pada masa terluang dengan pelbagai tujuan termasuk untuk menenangkan fikiran. Hobi tidak dapat dipisahkan dengan minat kerana hobi telah menjadi darah daging. Antara aktiviti berfaedah yang dapat diisi pada masa lapang seperti bersukan, beriadah, berhibur dan mengumpul setem. Ada hobi yang percuma dan ada yang memerlukan belanja. Sebagai contoh, hobi mengumpul setem adalah percuma jika sekadar mengumpulkan setem terpakai, tetapi bertukar menjadi hobi yang memerlukan belanja apabila pengumpul membeli setem. Bagi kebanyakan orang, setem hanya kepingan kertas kecil yang ditampal di bahagian atas sampul surat. Setiap setem yang dihasilkan mempunyai cerita dan sejarah yang berkait rapat dengan pemerintahan dan teknologi pada satu-satu masa.

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada Majalah Dewan Siswa)

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU
[40 markah]

TEMA : KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN ESTETIKA

SOALAN 2

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

MASYARAKAT BABA NYONYA



Masyarakat Baba Nyonya sering kali dikaitkan dengan negeri Melaka dan dikenali sebagai Baba Melaka. Hal ini dikatakan demikian kerana komuniti masyarakat ini banyak yang menetap di negeri ini serta kewujudan masyarakat peranakan ini dikatakan bermula dari negeri Melaka. Antara tujuan kedatangan pedagang Cina ke negara ini adalah untuk menjalinkan hubungan perdagangan dan perniagaan. Kedudukan Melaka yang sesuai untuk dijadikan tempat persinggahan kapal pedagang di samping hasil buminya subur seperti rempah ratus, bijih timah, dan gambir. Ada yang berkahwin dengan masyarakat tempatan. Perkahwinan campur inilah yang mewujudkan masyarakat Baba-Nyonya di negara ini. Kepelbagaian kaum di negara ini telah mencorakkan dan mencipta keunikan yang tersendiri.

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada Majalah Dewan Siswa)


BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU
[40 markah]

TEMA : KESIHATAN DAN KEBERSIHAN

SOALAN 3

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

SAMPAH MENGUNDANG DENGGI



Demam denggi yang disebabkan bawaan nyamuk menjadi masalah utama kesihatan awam, anatarabangsa dalam beberapa tahun belakangan ini. Jenis demam denggi yang lebih berbahaya ialah demam denggi berdarah. Menurut laporan Jabatan Kesihatan Negeri Perak, nyamuk aedes berupaya menyebarkan penyakit demam denggi dalam jangka masa 8 hingga 12 hari selepas menghisap darah manusia atau perumah. Jumlah lokasi titik panas wabak denggi ini berpunca daripada sikap tidak acuh orang awam terhadap pengurusan sisa pepejal di persekitaran tempat tinggal mereka. Amalan penjagaan kebersihan di persekitaran rumah perlu diterapkan dalam masyarakat terutamanya generasi muda tujuannya supaya mereka mengamalkan nilai murni seperti amalan kitar semula, berjimat cermat, dan tidak membuang sampah di merata-rata.

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada Majalah Dewan Siswa)


BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU
[40 markah]

TEMA : EKONOMI, KEUSAHAWANAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN

SOALAN 4

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

PEMBELIAN DALAM TALIAN



Sejak kemunculan kemudahan Internet di negara kita, pelbagai urusan dapat dilakukan dengan mudah secara dalam talian. Kini fungsi Internet adalah sebagai medium penting dalam segala urusan kehidupan seharian. Faedah pembelian secara dalam talian adalah dapat menjimatkan masa dan tenaga pengguna. Suatu masa dahulu, kita mungkin tidak menjangka dapat membeli barang runcit secara dalam talian dan terus sampai ke pintu rumah. Namun begitu, itulah kuasa dan kecanggihan teknologi pada zaman sekarang. Aktiviti pembelian pelbagai barangan menjadi lebih mudah dan pantas. Aplikasi laman sesawang berasaskan perniagaan kini beroperasi bagaikan cendawan tumbuh selepas hujan. Barangan produk baharu, terpakai, barangan runcit dan makanan semuanya boleh dipesan dan berada di hujung jari.

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada Majalah Dewan Siswa)

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU
[40 markah]**TEMA : PELANCONGAN****SOALAN 5**

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

HUTAN PAYA BAKAU

Hutan Paya Bakau merupakan sebahagian daripada hutan tropika yang tumbuh dengan subur di kawasan tropika dan subtropika. Hutan ini boleh dijumpai di seluruh benua kecuali Eropah, Artik dan Antartika. Hutan Paya Bakau di negara ini semakin terancam. Hakikatnya Hutan Paya Bakau mempunyai banyak kepentingan. Antara kepentingannya adalah untuk penjanaan sumber perikanan dan pertahanan pantai daripada ancaman tsunami dan ribut. Semua pesisiran pantai menghadapi bahaya akibat tindakan ombak dan arus pasang surut. Hal ini merupakan fenomena yang unik kerana kecenderungan laut untuk memusnahkan daratan. Jika musnahnya hutan ini, bukan sahaja memberikan kesan tidak langsung tetapi juga kesan langsung ke atas ekonomi sesebuah negara. Proses membina kesedaran masyarakat mengenai kepentingan Hutan Paya Bakau dalam ekosistem semulajadi sewajarnya melibatkan semua pihak.

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada Majalah Dewan Siswa)

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU
[40 markah]

TEMA : ALAM SEKITAR DAN TEKNOLOGI HIJAU

SOALAN 6

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

TEKNOLOGI HIJAU



Teknologi hijau dapat didefinisikan sebagai apa-apa sahaja aplikasi perkakasan, perisian, bahan, konsep dan kaedah yang memberikan kesan positif terhadap persekitaran. Penciptaan, penggunaan dan pembangunannya bersifat lestari dan tidak menggunakan bahan yang bersifat toksik, mencemarkan alam dan memberikan kesan negatif terhadap kesihatan bumi. Kebanyakan bidang berkaitan dengan teknologi hijau ialah bidang elektrik, awam dan mekanikal. Walaupun tidak terhad pada tiga bidang ini sahaja, teknologi hijau agak sinonim dengan tiga cabang utama kejuruteraan ini. Kesan ledakan teknologi hijau terhadap industri tenaga sejak beberapa dekad yang lalu dan persaingan antara negara maju dalam industri ini menghasilkan pelbagai teknologi yang sangat menarik untuk dikongsi .

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada Majalah Dewan Siswa)

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU
[40 markah]

TEMA : KERJAYA

SOALAN 7

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

SENI REKA GRAFIK



Seni reka grafik bermaksud suatu kemahiran untuk menghasilkan imej atau gambaran agar memberikan impak kepada khalayak secara emosi dan informasi. Seni reka grafik menuntut kemahiran menghasilkan ilustrasi, mewarna, menulis perkataan, mereka bentuk menggunakan perisian komputer, dan berfikir secara kreatif dan kritis. Pada zaman digital, seni reka grafik berkembang dengan begitu dahsyat. Dahulunya, media yang digunakan untuk menyampaikan grafik ialah kertas dan buku. Kini, media telah berkembang daripada majalah kepada televisyen, corong radio, dan panggung wayang, terus ke dalam telefon bimbit, telefon pintar, tablet, kamera digital dan komputer riba. Grafik zaman ini tidak bersempadan dan penuh dengan kejutan. Seni reka grafik membekalkan hasil visual yang bermanfaat kepada manusia sejagat.

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada Majalah Dewan Siswa)

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU
[40 markah]

TEMA : EKONOMI, KEUSAHAWANAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN

SOALAN 8

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

AYUH, JADILAH USAHAWAN!



Bidang keusahawanan yang wajar diterokai oleh golongan remaja. Bidang ini bukan sahaja penting untuk pembangunan diri sendiri tetapi juga untuk pembangunan negara. Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2015-2025, terdapat 10 lonjakan yang diketengahkan. Lonjakan yang pertama adalah untuk melahirkan graduan holistik, bercirikan keusahawanan dan seimbang. Hal ini bertujuan untuk menganjak minda graduan daripada menjadi pencari kerja kepada penjana pekerjaan. Remaja yang melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi boleh menceburi bidang keusahawanan. Para remaja perlu lebih berdikari dan berdaya kreatif kerana keadaan pasaran kerjaya yang semakin tidak menentu dan terhad menyebabkan masalah pengangguran semakin membimbangkan.

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada Majalah Dewan Siswa)